

30/01/2003

Penjelasan PM lenyapkan keraguan status bahasa Melayu

KUALA LUMPUR: Penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa mata pelajaran lain tidak perlu diajar dalam bahasa Inggeris, kecuali Sains dan

Matematik, diharap dapat melenyapkan sebarang keraguan atau prasangka terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin Maidin, berkata temu bual Perdana Menteri dalam Asian Wall Street Journal yang disiarkan menerusi CNBC TV, malam kelmarin, jelas menunjukkan pegangan kuat Barisan Nasional

(BN) terhadap dasar bahasa.

Malah, katanya, ia juga memperlihatkan Dr Mahathir tidak pernah kehilangan arah sebagai seorang nasionalis Malaysia.

"Ada pihak yang mengambil kesempatan daripada keraguan ini dengan perbuatan tidak menghormati bahasa Melayu seperti membawa sepanduk hanya dalam bahasa Cina dan meletakkan bahasa Melayu di bawah pada papan tanda perniagaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Zainudin berkata, dalam satu perhimpunan bagi menyambut kepulangan Dr Mahathir dari lawatan ke Lubnan, Mesir dan Switzerland Ahad lalu, ada golongan yang hanya membawa sepanduk dalam bahasa asing.

Katanya, golongan Anglophile (pemuja Inggeris) pula memahami dan cuba menggambarkan seolah-olah kerajaan akan kembali kepada dasar pelajaran penjajah Inggeris yang mengeneipikan bahasa Melayu.

"Saya rasa tidak perlu untuk mengajar mata pelajaran lain dalam bahasa Inggeris. Adalah sangat penting bagi kami memelihara identiti bahasa kami," katanya.

Beliau berkata, keberkesanan dasar bahasa kebangsaan termasuk kemajuan di bidang pendidikan telah mengimbangi ketidakseimbangan komposisi kaum di universiti.

"Akhbar-akhbar Melayu berada pada pasaran tertinggi dan paling berpengaruh sekarang ini pun adalah juga kerana kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

"Langkah kerajaan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kerana kemajuan bahasa Inggeris di bidang ini tidak terkejar dengan hanya bergantung kepada penterjemahan," katanya.

Zainudin berkata, malah di negara ini institusi yang bertanggungjawab dalam hal ini tidak proaktif serta tidak dapat menghasilkan terjemahan buku pengetahuan bersifat global.